

Pahlawan Asia abad 21

KUALA LUMPUR, 2 Aug 2005 (UM) - Dr. Mahathir Mohamad boleh dianggap sebagai pahlawan terbilang abad ke-21 dari Asia kerana keberaniannya berjuang tanpa mengenal erti jemu untuk mempertahankan keadilan sejagat.

Naib Canselor Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Hashim Yaacob berkata, keberanian bekas Perdana Menteri itu memperjuangkan keadilan terserlah sejak zaman remaja hingga kini.

Menurutnya, semangat kepahlawanannya sebagai wira penentang kekejaman tanpa mengenal erti sempadan yang sering membuahkan hasil itu menjadikan namanya dan negara harum di mata dunia.

Katanya, meskipun dalam usia menjangkau 80 tahun, beliau tetap berani seperti dulu bersuara di pentas-pentas dunia menyuarakan apa sahaja yang dianggapnya sebagai penindasan.

"Kelebihan lain yang ada pada Dr. Mahathir juga ialah sebagai penegak Islam yang prihatin dan diakui oleh dunia, selain kemampuannya memimpin Malaysia sebagai negara contoh kerana dapat menyatu padukan kehidupan pelbagai kaum," katanya.

Hashim menyatakan demikian ketika membentang kertas kerja bertema Meningkatkan Martabat Nasional pada Persidangan Antarabangsa Tun Dr. Mahathir: Mengurus Tadbir dan Pemba-

ngunan Di Abad Ke-21 di Hotel Renaissance, di sini hari ini.

Persidangan tiga hari itu dianjurkan oleh Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir (IPDM), Universiti Utara Malaysia (UUM).

Hashim berkata, Dr. Mahathir adalah seorang pemikir yang mendahului zaman dalam usahausaha membangunkan bangsa dan negara yang jelas terkandung di dalam cabaran Wawasan 2020.

"Dr. Mahathir juga adalah pemimpin yang sangat memberi penekanan terhadap kepentingan menguasai ilmu pengetahuan ke tahap tertinggi di kalangan orang Melayu agar martabat kaumnya tidak dihina lagi selepas 450 tahun dijajah," tegasnya.

Mercu tanda

Tambahnya, Dr. Mahathir turut meninggalkan mercu tanda pada era 22 tahun pemerintahan sebagai Perdana Menteri seperti Menara Berkembar Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Putrajaya dan banyak lagi yang akan kekal disaksikan oleh generasi akan datang.

"Bagaimanapun satu cabaran yang perlu ditebus orang Melayu ialah kekesalan Dr. Mahathir terhadap kaumnya yang sukar untuk berubah menjadi maju menerusi penguasaan ilmu pengetahuan dan ekonomi," katanya.